



## PENGELUARAN MENINGGALKAN NEGARA

*(Bagi Ahli Bukan Warganegara Malaysia)*

### PERHATIAN

- Selaras dengan tujuan Pengeluaran Meninggalkan Negara dilaksanakan iaitu membenarkan ahli mengeluarkan kesemua simpanan sekiranya ahli meninggalkan Malaysia dengan niat tidak akan kembali lagi, mulai **15 Oktober 2006** KWSP telah memperketatkan semula ke atas syarat dan prosedur di bawah pengeluaran ini bagi **ahli bukan warganegara Malaysia** seperti berikut :
  - a. Ahli bukan warganegara yang ingin memohon Pengeluaran Meninggalkan Negara hanya layak setelah memenuhi syarat berikut :
    - i. Mempunyai passport yang masih sah laku;
    - ii. Bukti yang menunjukkan ahli telah berhenti kerja;
    - iii. Bukti pembatalan permit kerja (tidak melebihi 3 bulan dari tarikh permohonan); dan
    - iv. Bukti yang menunjukkan ahli akan meninggalkan Malaysia dan tidak mempunyai niat untuk kembali ke Malaysia
  - b. **Dibenarkan untuk mencarum semula** sekiranya ahli bukan warganegara kembali dan bekerja semula di Malaysia dengan memberi notis pilihan mencarum kepada KWSP. Mereka akan didaftarkan menggunakan no keahlian yang baru.
- Dokumen yang diperlukan adalah seperti Senarai Semakan yang dikepikan bersama borang pengeluaran.